

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN NEGARA MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' RAJA KAMARUL BAHRIN SHAH  
BIN RAJA AHMAD**

**TARIKH : 16 DISEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah Bin Raja Ahmad** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah langkah pemantauan (*monitoring*), situasi ibu-ibu tunggal dan anak-anak mengalami tekanan semasa PKP dan PKPB berkaitan COVID-19 serta tindakan susulannya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat prihatin terhadap nasib golongan wanita termasuk ibu tunggal dan anak-anak yang sudah pastinya melalui kehidupan yang sukar lebih-lebih lagi yang terkesan dengan pandemik COVID-19. Dalam hal ini, KPWKM telah mengambil beberapa inisiatif dalam membantu ibu-ibu tunggal dan anak-anak mengalami tekanan semasa PKP dan PKPB berkaitan COVID-19 seperti berikut:

- i. **Khidmat Aduan Atas Talian** dengan menghubungi Talian Kasih 15999 atau aplikasi WhatsApp di nombor 019-26 15999. Perkhidmatan ini beroperasi 24 jam setiap hari. Skop perkhidmatan Talian Kasih merangkumi aspek berkaitan penderaan, kaunseling, gelandangan, perlindungan, kebajikan, talian kanak-kanak, perkhidmatan kesihatan reproduktif, masalah sosial remaja dan perkara yang melibatkan kumpulan sasar Kementerian.
- ii. **Sokongan Ekonomi** dalam bentuk:
  - **Bantuan Bakul Makanan** yang telah diagihkan kepada seramai 820,723 Ketua Isi Rumah (KIR) di seluruh negara sehingga Oktober 2020;
  - **Mempercepatkan bayaran Bantuan Kewangan Bulanan Persekutuan** oleh JKM yang berjumlah RM1.5 bilion untuk menampung keperluan seramai 498,935 penerima bantuan; dan
  - **Bantuan Khas Ibu Tunggal (BKIT)** secara *one-off* di bawah PENJANA berjumlah RM300 seorang kepada 150,000 orang ibu tunggal yang layak di seluruh negara. Permohonan bagi mendapatkan bantuan ini telah ditutup pada 31 Oktober 2020 dan didapati bahawa sebanyak 161,909 pemohon adalah layak dan jumlah ini melebihi sasaran 150,000 penerima. Sehubungan itu, Kementerian ini telah mengambil inisiatif untuk menggunakan lebihan peruntukan sedia ada Kementerian iaitu sebanyak RM3.572 juta bagi menampung bayaran kepada lebihan 11,909 penerima tersebut memandangkan peruntukan asal berjumlah

RM45 juta tidak mencukupi. Proses pembayaran kepada penerima yang layak dijangka selesai sebelum 31 Disember 2020;

- iii. **Pelaksanaan program berbentuk advokasi** seperti panduan menangani tekanan perasaan, aktiviti kekeluargaan secara maya dan panduan penjagaan kesihatan melalui pelbagai medium seperti media sosial, media elektronik dan media cetak dalam menangani isu tekanan mental;
- iv. **Sokongan Psikologi Tele-kaunseling** bagi memberi perkhidmatan kaunseling dan psikologi kepada mereka yang terkesan daripada penularan wabak COVID-19 serta PKP; dan
- v. **Mewujudkan jaringan pemerksaan wanita** iaitu satu kaedah atau platform untuk mendekatkan golongan sasaran dengan penyedia perkhidmatan/ maklumat yang terdiri daripada pelbagai pihak iaitu agensi kerajaan/ swasta/ NGO/ orang perseorangan/ pemimpin masyarakat ataupun badan antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN NEGARA MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK MOHAN A/L THANGARASU**

**TARIKH : 16 DISEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**Datuk Mohan a/l Thangarasu** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan Pendirian Kerajaan dalam mewajibkan kursus pra perkahwinan dalam kalangan masyarakat bukan Islam

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan menyedari akan kepentingan untuk mengukuhkan institusi perkahwinan sebagai asas pembinaan sebuah keluarga yang harmoni dan bahagia. Justeru kementerian menyambut baik atas cadangan, mewajibkan kursus pra perkahwinan kepada pasangan bukan muslim yang ingin berkahwin.

Pihak kementerian telah mengadakan beberapa siri libat urus bersama NGO berkaitan pelaksanaan kursus persediaan perkahwinan. Hasil libat urus berkenaan, pelaksanaan dan modul kursus persediaan perkahwinan SMARTSTART akan ditambah nilai mengikut kesesuaian dan keperluan semasa. Susulan itu juga perbincangan bersama Jabatan Pendaftaran Negara, Kementerian Dalam Negeri telah diadakan bagi membincangkan cadangan berkenaan. Namun pada masa ini pasangan bukan muslim yang ingin dan baru berkahwin adalah digalakkan secara sukarela mengikuti kursus pra perkahwinan yang dilaksanakan oleh kementerian bersama NGO dan Badan Agama.

Bagi menggalakkan penyertaan pasangan yang ingin berkahwin menghadiri kursus SMARTSTART, langkah-langkah yang sedang diambil adalah seperti berikut:

- a) Kerjasama dengan pihak Jabatan Pendaftaran Negara untuk memaklumkan kepada pasangan yang mendaftar perkahwinan supaya menghadiri kursus persediaan pra perkahwinan SMARTSTART anjuran NGO di bawah LPPKN.
- b) Bekerjasama dengan pihak NGO untuk melaksanakan kursus persediaan perkahwinan SMARTSTART kepada pasangan yang ingin berkahwin melalui program-program anjuran rumah ibadat di Malaysia.
- c) Kandungan modul SMARTSTART ditambahbaik dan turut akan dilaksanakan secara dalam talian.
- d) Mengedarkan risalah dan hebahan kursus pra perkahwinan SMARTSTART menerusi media sosial.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN NEGARA MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN RAJ MUNNI BINTI SABU**

**TARIKH : 16 DISEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**Puan Raj Munni binti Sabu** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan program-program bantuan dan sokongan kepada mangsa keganasan rumah tangga yang telah dijalankan oleh Kerajaan sepanjang tempoh pandemik COVID-19, serta statistik terkini kes berkaitan mengikut pecahan negeri.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menangani isu keganasan rumah tangga, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mengambil tindakan di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [Akta 521]. Menerusi akta ini, Kerajaan memperuntukkan perlindungan undang-undang dalam situasi keganasan rumah tangga. Tindakan segera akan dijalankan bersama agensi-agensi penguatkuasaan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), mahkamah dan agensi yang berkaitan bagi memastikan segala bentuk keganasan rumah tangga dapat dibendung.

Antara bantuan yang diberikan kepada mangsa berdasarkan peruntukan bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [Akta 521] bagi tempoh pandemik COVID-19 bermula 18 Mac hingga 31 Oktober 2020 adalah seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Perkhidmatan</b>	<b>Kes</b>
1.	Memberi khidmat nasihat berkaitan Akta Keganasan Rumah Tangga 1994	378
2.	Membantu mendapatkan Perintah Perlindungan Interim / <i>Interim Protection Order</i> (IPO), Seksyen 4 Akta 521 daripada Mahkamah	111
3.	Mengeluarkan Perintah Perlindungan Kecemasan / <i>Emergency Protection Order</i> (EPO), Seksyen 3 A Akta 521	38
4.	Membantu mendapatkan Perintah Perlindungan / <i>Protection Order</i> , Seksyen 5 Akta 521 daripada Mahkamah	29
5.	Menguruskan penempatan sementara, Seksyen 19 Akta 521	7
<b>JUMLAH</b>		<b>563</b>

Lain-lain bantuan dan sokongan yang diberikan kepada mangsa adalah seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Perkhidmatan</b>	<b>Kes</b>
1	Memberi perkhidmatan kaunseling di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah	68
2	Merujuk ke agensi lain bagi bantuan sokongan	48
3	Memberi perkhidmatan tele-kaunseling	34
<b>Jumlah</b>		<b>150</b>

Tuan Yang di-Pertua,

Sepanjang tempoh PKP pada 18 Mac hingga 31 Oktober 2020, sebanyak 695 kes telah dilaporkan ke Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan pecahan kes mengikut tiga (3) negeri tertinggi adalah seperti berikut:

1	Selangor	- 234 (33.67 %)
2	W.P. Kuala Lumpur	- 70 (10.07 %)
3	Kedah	- 70 (10.07 %)

Pecahan kes mengikut tiga (3) negeri terendah adalah seperti berikut:

13	Terengganu	- 9 (1.29 %)
14	Perlis	- 4 (0.58%)
15	W.P. Labuan	- 0 (0%)



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN NEGARA MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN HAJAH SABANI BINTI MAT**

**TARIKH : 16 DISEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**Puan Hajah Sabani binti Mat** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah inisiatif Kementerian dalam memastikan program atau kursus pembangunan keluarga dan masyarakat dapat dijalankan secara berterusan dalam keadaan COVID-19 yang membimbangkan sekarang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memastikan program pendidikan kekeluargaan dapat diteruskan kepada kumpulan sasar, Kementerian melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah melaksanakan pelbagai inisiatif di sepanjang bulan Mac hingga November melalui pendekatan seperti berikut:

1. Pengisian program Akademi Keluarga Sejahtera (AKS) yang disiarkan melalui laman *facebook* KPWKM sebagai platform pendidikan kekeluargaan bagi pihak kementerian dan agensi di di bawahnya untuk mengupas topik semasa dan isu-isu sosial berkaitan kumpulan sasar KPWKM;
2. Mengoptimumkan penganjuran seminar dan forum kekeluargaan secara dalam talian bagi peringkat kebangsaan dan serantau;
3. Perluasan kursus pembangunan keluarga secara interaktif menerusi platform *FB live*;
4. Bersiaran melalui televisyen dan radio tempatan bagi berkongsi ilmu berkaitan pendidikan kekeluargaan dan kemahiran keibubapaan;
5. Koleksi Tips Pendidikan Keluarga Sejahtera;
6. Program pendidikan remaja dan keluarga menerusi siri *TEEN Online Courses* (TOC) dan perkhidmatan Radio kafeTEEN Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur; dan
7. Penglibatan dan kerjasama dengan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) turut dipertingkatkan bagi menyebarkan pendidikan kekeluargaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Di samping itu juga, beberapa inisiatif sedang giat dilaksanakan oleh Kementerian pada masa ini untuk mempelbagaikan pendekatan program pendidikan kekeluargaan seperti berikut:

- (i) Pelaksanaan kursus secara e-kursus dalam talian menerusi sistem kursus pembangunan keluarga dalam talian (*e-learning*); dan
- (ii) Aktiviti bersantai dalam talian bersama keluarga semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Kementerian berharap supaya masyarakat sentiasa melengkapkan diri dengan ilmu pendidikan kekeluargaan dengan memanfaatkan program dalam talian yang telah disediakan. Kementerian akan sentiasa terus menambah baik kaedah dan pendekatan bagi memastikan program dapat sampai dengan berkesan kepada kumpulan sasaran.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN NEGARA MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN RAS ADIBA BINTI MOHD RADZI**

**TARIKH : 16 DISEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**Puan Ras Adiba binti Mohd Radzi** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah tindakan Kementerian dalam membantu keluarga B40 yang mempunyai anak OKU serta adakah Kerajaan berhasrat untuk memperkenalkan bantuan khas buat golongan ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga Dan Masyarakat (KPWK) sentiasa prihatin terhadap semua keluarga yang menjaga anak Orang Kurang Upaya (OKU) apatah lagi bagi keluarga dari kumpulan B40 yang merupakan kumpulan keluarga yang kurang berkemampuan. KPWK melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menyediakan pelbagai skim bantuan dan program kepada keluarga atau penjaga dan yang menjaga anak OKU serta kepada golongan OKU itu sendiri.

Secara keseluruhan sejumlah RM742.8 juta telah dibelanjakan untuk bantuan kepada keluarga dan OKU dengan penerima manfaat seramai 193,108 orang. Perincian bantuan kewangan yang disediakan untuk keluarga dan OKU adalah seperti berikut:

**1. Bantuan Penjagaan OKU Terlantar/Pesakit Kronik Terlantar (BPT)**

Bantuan ini bertujuan bagi meringankan beban keluarga dan menggalakkan keluarga untuk menjaga ahli keluarga yang terdiri daripada OKU terlantar atau Pesakit Kronik Terlantar. Kadar bantuan ini adalah sebanyak RM350. Mulai tahun 2021 kadar Bantuan ini akan dinaikkan kepada RM500. Sehingga November 2020 seramai 25,434 penerima dengan peruntukan yang telah disalurkan adalah sebanyak RM105.8 juta.

**2. Bantuan OKU Tidak Bekerja (BTB)**

Bantuan ini bertujuan bagi membantu OKU tidak berupaya bekerja dan menggalakkan OKU untuk terus tinggal bersama keluarga. Kadar bantuan skim ini ialah RM250 sebulan dan akan dinaikkan mulai tahun 2021 kepada RM300 sebulan. Sehingga November 2020 seramai 77,724 Penerima dengan peruntukan yang telah disalurkan adalah sebanyak RM226.9 juta.

**3. Elaun Pekerja Cacat (EPC)**

Insentif ini bertujuan untuk menggalakkan OKU untuk terus bekerja serta mampu hidup berdikari dan menjadi ahli masyarakat yang produktif kadar elaun ini ialah sebanyak RM400 sebulan dan akan dinaikkan mulai Januari 2021 kepada RM450 sebulan. Sehingga November 2020 seramai 88,853 Penerima dengan peruntukan yang telah disalurkan adalah sebanyak RM407.9 juta.

**4. Bantuan Alat Tiruan dan Sokongan (BAT/S)**

Bantuan ini bertujuan untuk membantu keluarga dan OKU yang berkelayakan bagi mendapatkan alat tiruan dan sokongan bagi mengembalikan kefungsiang anggota dan sosial. Kadar bantuan adalah berdasarkan keperluan dan harga sebenar alat tiruan dan sokongan di pasaran. Sehingga November 2020 seramai 1,097 Penerima dengan peruntukan yang telah disalurkan adalah sebanyak RM2.2 juta.

**5. Bantuan Khas OKU Di Bawah Penjana**

Pada tahun ini Kerajaan telah memperkenalkan insentif khusus berbentuk Bantuan Khas menerusi Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) yang turut memberi fokus kepada OKU di mana sebanyak RM300 diberikan kepada Penerima Bantuan di bawah skim Bantuan Kewangan Bulanan OKU iaitu Elaun Pekerja Cacat (EPC), Bantuan Orang Kurang Upaya Tidak Bekerja (BTB) dan Bantuan Penjagaan OKU Terlantar/Pesakit Kronik Terlantar (BPT). Sehingga 31 Oktober 2020 seramai 188,051 penerima dengan peruntukan sebanyak RM56.4 juta telah disalurkan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN NEGARA MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN NURIDAH BINTI MOHD SALLEH**

**TARIKH : 16 DISEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**Puan Nuridah binti Mohd Salleh** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan rancangan untuk meneruskan Geran Penubuhan TASKA di tempat kerja yang terpaksa dihentikan oleh sebab penularan gelombang ketiga COVID-19.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana yang semua maklum, Belanjawan 2021 telah memperuntukkan RM30 juta bagi penubuhan TASKA di Tempat Kerja Awam baharu dan penambahbaikan TASKA di tempat kerja yang sedia ada dengan memberi keutamaan kepada penubuhan TASKA di hospital-hospital di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mengambil maklum kekangan beberapa agensi kerajaan yang telah mendapatkan peruntukan penubuhan TASKA di Tempat Kerja tetapi terpaksa dipulangkan peruntukan kerana penularan COVID-19. Sebagaimana tahun-tahun sebelum ini, Kementerian ini akan membuat perancangan awal agar agensi kerajaan yang diluluskan peruntukan mempunyai lebih banyak masa untuk kerja-kerja penubuhan.

Bagi agensi kerajaan yang telah memulangkan peruntukan disebabkan kekangan masa untuk membelanjakan ataupun mana-mana yang tidak diluluskan atas faktor-faktor yang boleh ditambah baik, adalah terbuka untuk membuat permohonan semula pada tahun hadapan agar dapat meneruskan penubuhan TASKA di Tempat Kerja di pejabat agensi kerajaan masing-masing.

Selain daripada itu, sebagai usaha untuk memastikan TASKA-TASKA dapat ditubuhkan dan beroperasi sebagaimana yang dirancang, satu perbincangan mengenai isu-isu pendaftaran TASKA telah diadakan antara KPWKM dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada 6 November 2020. Antara perkara yang telah dipersetujui adalah Jabatan Kerajaan Tempatan akan mewujudkan Jawatankuasa *Taskforce* untuk Menangani Isu-isu Pendaftaran TASKA yang melibatkan agensi teknikal di bawah KPKT iaitu Jabatan Bomba dan Penyelamat serta Pihak Berkuasa Tempatan yang berkaitan.



**SOALAN NO. : 91**

Pihak kementerian juga telah mengadakan perbincangan dengan pihak Kerajaan Negeri Kedan dan akan diteruskan dengan negeri-negeri lain bagi memudahkan urusan pendaftaran TASKA dan kelulusan pengubahsuaian bangunan untuk dijadikan premis TASKA.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN NEGARA MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN LIM HUI YING**

**TARIKH : 16 DISEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**Puan Lim Hui Ying** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah bilangan golongan wanita khususnya suri rumah dan ibu tunggal yang telah menerima bantuan sepanjang tempoh pandemik COVID-19 mengikut pecahan negeri dan jumlah nilai bantuan yang telah disalurkan:

- a) apakah jenis bantuan yang diberikan kepada golongan ini dan apakah perancangan jangka masa panjang Kementerian untuk meneruskan usaha untuk membantu golongan tersebut; dan
- b) apakah syarat dan kriteria kelayakan untuk penyaluran bantuan tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat prihatin terhadap nasib golongan wanita termasuk Ibu Tunggal yang sudah pastinya melalui kehidupan yang sukar lebih-lebih lagi yang terkesan dengan pandemik COVID-19.

Melalui inisiatif Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) yang diumumkan pada 5 Jun 2020 yang lalu, Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) telah dipertanggungjawabkan untuk menyalurkan Bantuan Khas Ibu Tunggal (BKIT) secara *one-off* berjumlah RM300 seorang kepada 150,000 orang ibu tunggal yang layak di seluruh negara. Permohonan BKIT ini telah ditutup pada 31 Oktober 2020. Kriteria pemohon BKIT yang layak untuk dipertimbangkan adalah seperti berikut:

- i. Balu/janda; atau
- ii. Berkahwin tetapi suami sakit terlantar; atau
- iii. Pernah berkahwin dan tidak mempunyai sijil perkahwinan yang didaftarkan; atau
- iv. Ibu tunggal yang mempunyai tanggungan; atau
- v. Tidak pernah berkahwin tetapi mempunyai anak tidak sah taraf/anak angkat; atau
- vi. Ditinggal suami (suami tidak dapat dikesan/suami di penjara/di pusat pemulihan/ pusat tahanan); atau
- vii. Ibu tunggal yang diisytiharkan bankrap/dipenjarakan; dan
- viii. Ibu tunggal yang terkesan dengan pandemik COVID-19.

Permohonan bagi mendapatkan bantuan ini telah pun ditutup pada 31 Oktober 2020. Sebanyak 161,909 didapati layak bagi menerima bantuan ini. Sehubungan itu, Kementerian telah mengambil inisiatif untuk menggunakan lebihan peruntukan sedia ada sebanyak RM3,57 juta bagi menampung bayaran kepada 11,909 penerima memandangkan peruntukan asal berjumlah RM45 juta tidak mencukupi. Pembayaran kepada penerima yang layak dijangka selesai sebelum 31 Disember 2020.

Tuan Yang di-Pertua,

Walaupun Bantuan Khas Ibu Tunggal (BKIT) melalui PENJANA ini bersifat *one-off*, bantuan lain masih boleh dimohon dan tidak terhad kepada ibu tunggal sahaja. KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan perkhidmatan bantuan kewangan kepada kumpulan sasaran yang memerlukan terutama golongan keluarga kumpulan B40 yang terkesan akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi menangani penularan COVID-19 supaya dapat meneruskan kelangsungan hidup dengan sempurna. Keluarga yang terkesan dengan pelaksanaan PKP yang kehilangan pekerjaan dan punca pendapatan adalah layak untuk memohon bantuan kewangan yang disediakan oleh JKM dan sekiranya memenuhi kriteria kelayakan skim bantuan yang disediakan, bantuan kewangan boleh diluluskan dengan kadar yang telah ditetapkan. Skim-skim bantuan kewangan di bawah JKM adalah seperti berikut:

1. Bantuan Kanak-Kanak (BKK);
2. Elaun Pekerja Cacat (EPC);
3. Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB);
4. Bantuan Penjagaan OKU Terlantar/ Pesakit Kronik Terlantar (BPT);
5. Bantuan Orang Tua (BOT);
6. Bantuan Am Persekutuan (BA);
7. Bantuan Anak Pelihara (BAP);
8. Bantuan Latihan Perantis (BLP);
9. Bantuan Geran Pelancaran (GP);
10. Bantuan Alat Tiruan/ Alat Sokongan (BAT); dan
11. Tabung Bantuan Segera (TBS).

Pengendalian permohonan bantuan kewangan dibuat di peringkat Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/ Jajahan/ Bahagian di seluruh negara. Setiap permohonan dijalankan siasatan untuk penilaian sbelum keputusan dibuat kepada pemohon.

JKM juga melalui Bahagian Psikologi dan Kaunseling telah menyediakan perkhidmatan psikologi dan kaunseling kepada rakyat Malaysia sepanjang PKP dilaksanakan oleh Kerajaan iaitu bermula 18 Mac 2020.

Pelaksanaan perkhidmatan ini selaras dengan hasrat kerajaan bagi memastikan kesejahteraan psikologi rakyat negara ini terutama mereka yang terkesan iaitu mereka dan ahli keluarga yang kehilangan pekerjaan.

Perkhidmatan psikologi dan kaunseling sepanjang tempoh PKP ini dijalankan oleh JKM merangkumi kaedah-kaedah seperti berikut:

1. Tele-kaunseling
2. *Psychological First Aid* (PFA)
3. Penaksiran Psikologi
4. Bimbingan Psikologi / Intervensi Jangka Pendek (IJP)

Selain itu, JPW juga turut melaksanakan program pembangunan kapasiti, khidmat kaunseling dan nasihat sokongan bagi wanita termasuk ibu tunggal serta menyelaras, memantau dan menilai program berkenaan. Dalam melaksanakan fungsinya, JPW memfokuskan kepada pembangunan kapasiti wanita berteraskan kepada empat (4) elemen utama iaitu kewangan, kemahiran asas, kesaksamaan dan kepimpinan sendiri dan keseimbangan bagi mencapai kesejahteraan hidup. Sehingga Oktober 2020, sebanyak 844 program telah dilaksanakan oleh jabatan ini melalui Pejabat Pembangunan Wanita Negeri melibatkan penyertaan seramai 366,687 peserta.

Keprihatian Kerajaan terhadap nasib golongan wanita termasuk ibu tunggal yang sudah pastinya melalui kehidupan yang sukar lebih-lebih lagi yang terkesan dengan pandemik COVID-19 telah diterjemahkan dalam Belanjawan Tahun 2021 yang dibentangkan pada 6 November 2020. Belanjawan 2021 ini dilihat begitu mesra wanita kerana ia mengambil kira banyak keperluan golongan tersebut yang mana pelbagai inisiatif telah diperkenalkan oleh Kerajaan untuk membantu wanita seperti berikut:

1. Penyediaan Pusat Sokongan Sosial Setempat dengan peruntukan RM21 juta yang berfungsi untuk menyediakan lapan (8) perlindungan sosial dan sokongan moral kepada wanita yang berhadapan dengan masalah keganasan rumah tangga, perceraian dan penderaan;

2. Peruntukan RM95 juta bagi pembiayaan mikro kredit khas melalui TEKUN, MARA dan AgroBank untuk memperkasa usahawan wanita;
3. Peruntukan RM50 juta di bawah Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) bagi menyokong aktiviti pembiayaan Islam melalui Ar-Rahnu BizNita;
4. Program bimbingan perniagaan kepada lebih 2,000 usahawan wanita melalui Program Pembangunan Perniagaan Usahawan Mikro atau BizMe;
5. Program untuk meningkatkan pembabitan kontraktor wanita Bumiputera dalam kontrak Kerajaan;
6. Program saringan kanser serviks dan insentif subsidi ujian mammogram;
7. Peruntukan RM50 juta Geran Padanan bagi pembinaan TASKA di premis swasta; dan
8. Peruntukan untuk TASKA di bangunan Kerajaan terutamanya hospital sebanyak RM30 juta.

JPW akan menyalurkan kumpulan sasar (wanita) ke program-program pembangunan kapasiti yang berada di bawah belanjawan Kementerian lain. Ini akan dapat memanfaatkan kumpulan sasar dan juga penyedia program/perkhidmatan kerana dapat menyantuni peserta dari golongan yang disasarkan. Pada masa kini, JPW sedang berada dalam fasa perbincangan bersama beberapa agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC), Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) untuk *way forward* 2021.

Pada 25 November 2020, perbincangan kerjasama strategik MEDAC dan KPWKM telah diadakan dan antara senarai program melibatkan JPW adalah seperti berikut:

- i. Program Tunas Usahawan Bumiputera (TUBE);
- ii. Latihan & Pensijilan Bertauliah bidang *Elderly Care*;
- iii. Pemerksaan Latihan dan Bimbingan dalam *Child Care*;
- iv. Khidmat nasihat mengenai program-program keusahawanan KPWKM;

**SOALAN NO. : 94**

- v. *Business matching* antara usahawan wanita dan korporasi sedia ada;
- vi. Kerjasama dengan TEKUN Nasional; dan
- vii. Program SWEET & YOUNITY.

Agensi yang terlibat dalam kerjasama adalah TEKUN Nasional, Perbadanan Nasional Berhad (PNS), dan Institut Keusahawanan Negara (INSKEN). Walau bagaimanapun, segala cadangan kerjasama ini masih dalam peringkat perbincangan dan belum diputuskan peruntukan yang akan terlibat. Sesi perbincangan telah bermula namun masih belum dimuktamadkan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN NEGARA MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DR. YAAKOB BIN SAPARI**

**TARIKH : 16 DISEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**Dr. Yaakob bin Sapari** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jangkitan COVID-19 melanda penduduk di pulau-pulau di Semporna dan ramai penduduk di pulau-pulau tidak mempunyai kad pengenalan warga Malaysia dan ada yang tinggal di dalam perahu. Apakah usaha Kerajaan untuk membantu penduduk yang terkesan dengan PKPB di kawasan ini.



**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat prihatin dengan golongan sasaran yang telah terkesan akibat wabak COVID-19 yang telah melanda seluruh negara baru-baru ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menyediakan pelbagai jenis bantuan kepada kumpulan sasaran yang terkesan dengan pelaksanaan PKP di Sabah termasuk bantuan bakul makanan di mana sebanyak 94,534 bakul makanan dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM9.4 juta dan memberi manfaat kepada 378,136 Ahli Isi Rumah telah disalurkan dan diagihkan kepada penduduk yang terkesan dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat daripada pandemik COVID-19 ini.

Secara keseluruhannya peruntukan sebanyak **RM52.8 juta** telah diberikan kepada KPWKM untuk membuat agihan bakul makanan kepada masyarakat yang terkesan dengan pelaksanaan PKP ini. Sehingga kini JKM telah membuat agihan bakul makanan kepada seramai 979,968 Ketua Isi Rumah dan memberi manfaat kepada 3.9 juta Ahli Isi Rumah di seluruh negara.

Bantuan bakul makanan yang menggunakan peruntukan Kerajaan hanya disalurkan kepada warganegara sahaja manakala bagi penduduk bukan warganegara, bantuan bakul makanan yang disalurkan menggunakan peruntukan daripada para penyumbang yang terdiri daripada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)/ Badan Korporat/ Syarikat Swasta dan Individu serta pemimpin masyarakat. Sumbangan daripada pihak luar turut diuruskan oleh JKM dengan kerjasama pelbagai agensi lain seperti Angkatan Pertahanan Awam dan RELA serta NGO berkenaan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, **Negeri Sabah** merupakan antara negeri yang menerima bantuan Bakul Makanan tertinggi berbanding negeri-negeri lain.

**SOALAN NO. : 97**

Selain daripada bantuan bakul makanan secara *one-off*, JKM juga menyediakan bantuan kebajikan bulanan seperti Bantuan Kanak-Kanak (BKK), Bantuan Orang Tua (BOT), Elaun Pekerja Cacat (EPC), Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB), Bantuan Penjagaan Pesakit Kronik dan OKU Terlantar (BPT), Bantuan sekaligus (*one off*) di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi (PENJANA) bagi OKU dan Bantuan Khas Ibu Tunggal. Secara keseluruhan bantuan yang telah disalurkan oleh JKM sepanjang tempoh PKP kepada negeri Sabah adalah sebanyak RM137.1 juta dan memberi manfaat kepada seramai 130,403 orang penerima.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN NEGARA MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' ISA BIN AB. HAMID**

**TARIKH : 16 DISEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**Dato' Isa Bin Ab. Hamid** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapakah jumlah Orang Asli sebagai penerima bantuan bulanan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan jenis bantuan yang diterima serta usaha pengupayaan golongan ini.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan perkhidmatan bantuan dan sokongan kewangan kepada kumpulan sasar jabatan yang memerlukan supaya dapat meneruskan kelangsungan hidup dengan sempurna.

Pada dasarnya Orang Asli bukan termasuk dalam kumpulan sasar JKM kerana program dan bantuan khusus yang kepada Orang Asli diselaraskan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB). JAKOA ditubuhkan bagi melindungi Orang Asli dan cara hidup mereka daripada kepesatan perkembangan tamadun dan eksploitasi masyarakat luar di samping menyediakan kemudahan dan bantuan pendidikan, kesihatan dan pembangunan sosioekonomi.

Walau bagaimanapun, JKM juga menyediakan pelbagai jenis bantuan kepada Orang Asli yang layak dipertimbangkan bantuan berdasarkan kriteria dan kelayakan bantuan JKM. Berdasarkan statistik JKM sehingga November 2020 terdapat seramai 1,038 Orang Asli yang menerima pelbagai skim bantuan JKM. Perincian jenis bantuan dan peruntukan adalah seperti jadual di bawah:

<b>Bil</b>	<b>Skim Bantuan</b>	<b>Jumlah Penerima</b>	<b>Jumlah (RM)</b>
1.	Bantuan Kanak-Kanak	188	560,200.00
2.	Bantuan Orang Tua	319	1,256,150.00
3.	Bantuan Am	239	641,540.00
4.	Bantuan OKU Tidak Bekerja	115	564,300.00
5.	Elaun Pekerja Cacat	121	392,400.00
6.	Bantuan Penjagaan OKU dan Pesakit Kronik Terlantar	56	240,750.00
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>1,038</b>	<b>3,655,340.00</b>